KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

RABU, 6 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

6/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	**BILANGAN LELAKI JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL SEMAKIN MENINGKAT**	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/05/number-of-men-lodging-sexual-harassment-complaints-on-the-rise-says-deputy-minister/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://ohmedia.my/ohtidak/orang-lelaki-dalam-bahaya-kes-gangguan-seksual-golongan-ini-meningkat/	OHMEDIA.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=oH-GL0cp7pQ	YOUTUBE
	https://selangorkini.my/2023/12/gangguan-seksual-libat-golongan-lelaki-meningkat/	SELANGORKINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bilangan-lelaki-jadi-mangsa-gangguan-seksual-semakin-meningkat-448816	ASTROAWANI.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/05/number-of-men-reporting-sexual-harassment-on-the-rise-says-deputy-minister	THESTAR.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/s/475020	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=xodpqjLCEVY	YOUTUBE
	https://www.kinitv.com/en/kininews/131922	KINITV.COM
	https://www.dailyexpress.com.my/news/224768/number-of-men-lodging-sexual-harassment-complaints-on-the-rise/	DAILYEXPRESS.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/05/dewan-negara-411-kes-lelaki-alami-gangguan-seksual-kpwkm/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=rlvrTq1FqpY	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/number-men-lodging-sexual-harassment-complaints-rise-deputy-minister-448825	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=cZ8kk8E_B_Y	YOUTUBE
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/986775/number-men-lodging-sexual-harassment-complaints-rise-deputy-minister	NST.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/638139/berita/nasional/mangsa-gangguan-seksual-dalam-kalangan-lelaki-meningkat	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=L41h_iJDf90	YOUTUBE
	https://www.malaysiakini.com/news/689005	MALAYSIAKINI.COM

6/12/2023

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1037349/mangsa-gangguan-seksual-dalam-kalangan-lelaki-meningkat	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=BIDy0CaoGTM	YOUTUBE
	https://tvstv.my/2023/12/05/mangsa-gangguan-seksual-dalam-kalangan-lelaki-meningkat/	TVSTV.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/474996	THEMALAYSIANINSIGHT.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1185437/mangsa-gangguan-seksual-dalam-kalangan-lelaki-meningkat	BHARIAN.COM.MY
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2023/12/05/kes-gangguan-seksual-dalam-kalangan-lelaki-meningkat-kpwkm/	THERAKYATPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	**"WANITA BANGKIT" PARTICIPANTS SUCCEED IN INCREASING INCOME - NANCY**	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2251300	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/local_news/wanita-bangkit-participants-succeed-in-increasing-income-nancy-DL11834632	THESUN.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/90-peratus-wanita-program-wanita-bangkit-berjaya-bina-hidup-baharu/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2251253	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/12/8930-peserta-wanita-bangkit-berjaya-tingkat-pendapatan-hingga-lebih-rm3000-sebulan/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	**SEJAUH MANA KEBERKESANAN JERAYAWARA KASIH KPWKM?**	
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/05/sejauh-mana-keberkesanan-program-jerayawara-kasih-kpwkm/	HARAKAHDAILY.NET

6/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	**IBU BUAT VIDEO LUCAH ANAK PEREMPUAN UNTUK LUNAS HUTANG**	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/12/1185324/ibu-buat-video-lucah-anak-perempuan-untuk-lunas-hutang	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	**JKM KESAN IBU, WARIS BAYI DITINGGALKAN DALAM BEG TEPI LONGKANG**	
	https://www.sinarharian.com.my/article/638136/edisi/perak/jkm-kesan-ibu-waris-bayi-ditinggalkan-dalam-beg-tepi-longkang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/986817/manjung-social-welfare-dept-seeks-abandoned-newborns-next-kin	NST.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/manjung-jkm-tracking-mother-next-of-kin-of-baby-abandoned-beside-drain-LL11833778	THESUN.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-ditinggalkan-belakang-rumah-kedai/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2251088	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/jkm-kesan-ibu-waris-bayi-ditinggalkan-dalam-beg-di-tepi-longkang-ML11832691	THESUN.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=YISk_ADsedg	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-kesan-ibu-waris-bayi-ditinggal-dalam-beg-tepi-longkang-448820	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	**JKM KESAN IBU TINGGALKAN BAYI DI HUSM, KUBANG KERIAN**	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/828381/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2251292	BERNAMA.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/638194/berita/semasa/jkm-cari-ibu-kandung-bayi-perempuan-ditinggalkan-di-hospital	SINARHARIAN.COM.MY

https://malaysiagazette.com/2023/12/05/jkm-kesan-ibu-kandung-bayi-perempuan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
https://www.getaran.my/artikel/semasa/54647/jkm-kesan-ibu-kandung-bayi-perempuan	GETARAN.MY
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-kesan-ibu-kandung-bayi-perempuan-448871	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	**REMAJA 16 TAHUN DITUDUH CABUL KENALAN**	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/05/remaja-16-tahun-dituduh-cabul-kenalan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/remaja-mengaku-salah-cabul-kenalan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/638116/berita/semasa/juvana-mengaku-salah-cabul-remaja	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=qhEY5jXscxg	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	**PEKERJA SWASTA DIDAKWA ROGOL ANAK TIRI**	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1037462/pekerja-swasta-didakwa-rogol-anak-tiri	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/638163/berita/semasa/polis-tahan-lelaki-disyaki-rogol-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lelaki-disyaki-rogol-anak-tiri-warga-filipina-448864	ASTROAWANI.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/05/filipino-teen-accuses-m039sian-stepfather-of-rape-in-jb	THESTAR.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/05/iskandar-puteri-police-chief-probe-on-man-suspected-of-raping-teen-stepdaughter-to-be-completed-soon/105952	MALAYMAIL.COM

Number of men lodging sexual harassment complaints on the rise, says deputy minister

Aiman Athirah Sabu says women, family and community development ministry roadshows received more than 400 reports from men.

Bernama - 05 Dec 2023, 3:20pm

35 Shares Share Tweet Share Email

Deputy women, family and community development minister Aiman Athirah Sabu says more than a quarter of sexual harassment complaints at social support centres are from men. (Bernama pic)

KUALA LUMPUR: There has been an increase in the number of sexual harassment complaints lodged by men through social support centres (PSSS), deputy women, family and community development minister Aiman Athirah Sabu said today.

She said the centres received 1,486 complaints of sexual harassment throughout the 14 series of the KPWKM@Advocacy anti-sexual harassment roadshows.

*Stay up-to-date by following FMT's **Telegram** channel* FMT

"Of the total, 411 cases (27.7%) were from men," she said in reply to Senator Husain Awang's question about the programme's effectiveness during the question-and-answer session in the Dewan Negara. In October, Aiman said 351 cases had been reported to social support centres.

Meanwhile, Aiman said 97.6% of participants showed an increase in sexual harassment knowledge and understanding.

"More than 19,000 people from various walks of life took part in the roadshows," she said.

In addition, Aiman said a number of advocacy programmes were held with private companies and NGOs to raise awareness about sexual harassment in the workplace.

"We ran 54 advocacy programmes, in which 9,354 people took part, in collaboration with the Congress of Unions of Employees in Public and Civil Services and the National Institute of Occupational Safety and Health," she said.

"WANITA BANGKIT" PARTICIPANTS SUCCEED IN INCREASING INCOME - NANCY

05/12/2023 06:41 PM

KUANTAN, Dec 5 (Bernama) -- A total of 8,930 women participated in the "Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital" programme under the National Welfare Foundation (YKN) this year, with 90 per cent succeeding in increasing their income, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said the programme provided RM500 in business capital, enabling the participants to earn between RM1,000 and RM3,000 per month, with some making even more.

"It helps women who were affected by the COVID-19 pandemic and victims of domestic abuse and divorcees. They have talent and some have their own products, but they do not have the capital or know-how to start a business.

"The programme provides capital, guidance and motivation, and connects them to a business network as well as experienced mentors. We can now see them leading better lives," she said.

Nancy, who is also YKN chairman, was speaking to reporters after attending the "Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital" event at Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah here today, attended by 1,000 participants from Pahang.

She said the participants are monitored for three months by volunteers to ensure the programme objectives are achieved, after which eligible candidates go on to the next phase to expand their business.

Nancy said the ministry will also discuss and collaborate with related ministries to obtain more assistance, such as equipment, to enable the participants to earn more.

"I am confident the Wanita Bangkit@KPWKM programme will elevate the participants out of hardship to become successful entrepreneurs and create job opportunities for other women too," she added.

Sejauh mana keberkesanan Jerayawara Kasih KPWKM?

December 5, 2023

Husain Awang

KUALA LUMPUR: Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Anti Gangguan Seksual yang telah dilancarkan pada 19 Mei lalu?

Senator Dato' Husain Awang berkata, rakyat perlu mengetahui sejauh mana keberkesanan program tersebut ketika banyak kes membabitkan gejala tersebut dilaporkan dalam media sosial dan media massa.

Program kelolaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) itu memberi secara amnya pendedahan masyarakat mengenai gangguan seksual.

"Minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauhmana keberkesanan pelaksanaan Program Jerayawara KASIH KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual.

"Ia dilancarkan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat serta menangani gangguan seksual di rumah dan di tempat kerja," katanya dalam persidangan Dewan Negara, di sini, hari ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Aiman Athirah Sabu dalam jawapannya berkata, kerajaan telah menggubal akta khusus iaitu Akta Anti Gangguan Seksual 2022 (Akta 840).

"Selepas akta itu dikuatkuasakan secara berperingkat bermula 28 Mac lalu katanya kerajaan melaksanakan program terbabit yang diadakan di 14 negeri bermula di Pulau Pinang, 6 Julai," katanya.

Tambah beliau, seramai 19,423 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat telah terlibat dalam program tersebut serta pelbagai aktiviti diadakan termasuk mengedarkan soal selidik kepada pengunjung.

"Berdasarkan maklum balas yang diterima 97.6 peratus menunjukkan peningkatan kesedaran dan juga pemahaman berkaitan gangguan seksual dan menerima aduan 1,486 aduan berkaitan.

"Aduan ini diterima Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) sepanjang program jerayawara di seluruh negara, daripada jumlah ini 411 kes atau 27.7 peratus membabitkan kaum lelaki," katanya. –
HARAKAHDAILY 5/12/2023

Ibu buat video lucah anak perempuan untuk lunas hutang

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Disember 5, 2023 @ 10:25am
bhnews@bh.com.my

Ada kanak-kanak diamkan diri bimbang hilang tempat bergantung jika jadi mangsa jenayah dera atau seksual dalam kalangan keluarga. - Foto hiasan 123RF

KUALA LUMPUR: Ada ibu tergamak membuat video lucah anak perempuannya semata-mata untuk

"Walaupun ada kes dilaporkan dan pelaku didakwa, ia tidak menyelesaikan punca masalah kerana mereka tidak diberi penyelesaian kepada masalah itu.

"Memang kes dapat diselesaikan melalui undang-undang, tetapi untuk mangsa tiada, sedangkan ia perlu untuk kelangsungan hidup," katanya.

Justeru, sistem sokongan yang komprehensif penting bagi membantu mangsa.

Nancy ketika berucap, berkata pihaknya sentiasa terbuka kepada cadangan dan idea baharu selaras keperluan dan keperluan semasa kerana perlindungan kanak-kanak adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.

Kementeriannya akan mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan keluarga dalam mengenal pasti, melaporkan dan menangani kes penderaan atau penganiayaan kanak-kanak.

"Kes itu hanya dilaporkan selepas pemeriksaan kesihatan pihak sekolah mendapati gadis itu hamil.

"Apabila JKM menemu bualnya, dia menyatakan bimbang dengan keadaan ibunya sakit dan kebajikan keluarga jika bapanya tiada," katanya pada Majlis Townhall Yayasan Chow Kit 'Working Together To Enhance Child Protection', baru-baru ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan Pengasas Bersama Yayasan Chow Kit, Datuk Dr Hartini Zainuddin.

Dalam kes lain pula, Mohd Ali berkata, seorang ibu membuat video lucah anak perempuannya semata-mata untuk menjelaskan hutang.

Katanya, kanak-kanak itu sedar kesalahan dilakukan ibunya itu tetapi tidak melaporkannya dan laporan hanya dibuat selepas video itu ditemui.

"JKM secara konsisten sentiasa memaklumkan mangsa terutama kanak-kanak maklumat yang mereka kongsi selamat jika tampil ke hadapan,

"Jadi mereka tidak perlu risau untuk memberikan sebarang maklumat," katanya.

Lebih suka berdiam diri

Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata antara penyebab mangsa gangguan seksual enggan melaporkan kepada pihak berkuasa kerana tidak mahu keluarga berdepan masalah. Ini menyebabkan mangsa gangguan seksual terutama membabitkan ahli keluarga berdiam diri.

Katanya, ini kerana pelaku mungkin pencari nafkah dalam keluarga dan mangsa tidak mahu kebajikan keluarga terabai.

"Walaupun ada kes dilaporkan dan pelaku didakwa, ia tidak menyelesaikan punca masalah kerana mereka tidak diberi penyelesaian kepada masalah itu.

"Memang kes dapat diselesaikan melalui undang-undang, tetapi untuk mangsa tiada, sedangkan ia perlu untuk kelangsungan hidup," katanya.

Justeru, sistem sokongan yang komprehensif penting bagi membantu mangsa.

Nancy ketika berucap, berkata pihaknya sentiasa terbuka kepada cadangan dan idea baharu selaras keperluan dan keperluan semasa kerana perlindungan kanak-kanak adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.

Kementeriannya akan mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan keluarga dalam mengenal pasti, melaporkan dan menangani kes penderaan atau penganiayaan kanak-kanak.

JKM kesan ibu, waris bayi ditinggalkan dalam beg tepi longkang

05 Disember 2023 01:17pm Masa membaca: 1 minit

Bayi lelaki baru lahir ditemukan menangis dalam beg tepi longkang

Laporan Sinar Harian pada November lepas.

MANJUNG - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Manjung sedang mengesan ibu kandung kepada seorang bayi lelaki yang ditemukan dalam beg di tepi longkang belakang rumah kedai di Ayer Tawar, dekat sini pada 25 November lepas.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Manjung, Nor Amelia Ali berkata, pihaknya turut memohon kerjasama orang ramai membantu mengesan waris bayi terbabit, yang ditinggalkan tanpa sebarang dokumen pengenalan diri.

Beliau berkata, bantuan orang ramai bagi mengesan ibu dan waris bayi berusia 10 hari itu sangat penting dalam usaha JKM menjalankan siasatan bagi tujuan penempatan dan kebajikan.

"Bayi itu yang diselamatkan sepertimana peruntukan Seksyen 17(1)(e)(ii) Akta Kanak-kanak 2001, kini dirawat di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Seri Manjung dan berada dalam keadaan sihat.

"Polis telah melakukan pencarian suspek di semua klinik kesihatan sekitar Ayer Tawar, namun setakat ini tiada sebarang maklumat diperoleh dan kita minta kerjasama mana-mana pihak yang mengenali ibu bayi atau waris yang berkaitan supaya menghubungi JKM Manjung menerusi talian 05-6883110 dengan segera," katanya pada sidang media di sini pada Selasa.

Nur Amelia berkata, hasil pemeriksaan pihaknya juga mendapati bayi terbabit berkemungkinan berasal daripada keluarga warga tempatan.

"Jadi buat masa ini kita minta ibu atau warisnya tampil bagi tujuan penempatan dan kebiasaannya kita akan beri tempoh tiga bulan dalam jagaan JKM.

"Sekiranya tidak ada waris, JKM akan mendapatkan perintah mahkamah untuk menempatkan bayi itu di institut JKM atau diserahkan kepada keluarga pelihara yang layak dan sesuai," katanya.

Media sebelum ini melaporkan seorang bayi yang masih bertali pusat dan uri dijumpai seorang lelaki berusia 45 tahun dalam keadaan berbalut tuala kira-kira 8.15 malam, 25 November lepas.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Mohamed Nordin Abdullah berkata, kes itu disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan iaitu ibu bapa yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak di bawah usia 12 tahun, mendedahkan serta membuang kanak-kanak itu dengan niat. - Bernama

JKM kesan ibu tinggalkan bayi di HUSM, Kubang Kerian

BAYI perempuan yang ditinggalkan ibu kandung di HUSM, Kubang Kerian, Kelantan pada 10 September lalu.

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI · 5 Disember 2023, 5:11 pm

BESUT: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Besut sedang mengesan ibu kandung kepada seorang bayi perempuan yang ditinggalkan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan pada 10 September lalu.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Besut, Zulbahri Ibrahim berkata, susulan itu JKM Besut telah menerima rujukan daripada pihak HUSM berkenaan seorang bayi malang itu yang dilahirkan pramatang pada 10 September lalu.

"Siasatan awal mendapati ibu kandung telah menghilangkan diri selepas bayinya perlu ditahan di wad atas masalah kesihatan.

"Ibu bayi tersebut dikenali sebagai Wan Azlina Wan Mohamad berusia 30an dan alamat terakhirnya adalah di Kampung Padang Landak, Jerteh, Terengganu," katanya di sini, hari ini.

Menurut Zulbahri , bayi tersebut juga telah mendapat perintah bawah seksyen 25(2) Akta Kanak-Kanak 2001 daripada Mahkamah Majistret Daerah Besut pada 23 November lalu untuk ditempatkan dalam jagaan institusi Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga kini.

Sehubungan itu orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan ibu kandung bayi berkenaan boleh menghubungi Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Besut, Noradawiah Ab. Manaf di talian 09-6956042/09-6953951. – UTUSAN

Pekerja swasta didakwa rogol anak tiri

Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

GAMBAR hiasan

Iskandar Puteri: Seorang pekerja swasta di sini bakal dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan merogol anak tirinya.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri Asisten Komisioner Raghmat Ariffin berkata, pihaknya sedang melengkapkan siasatan kes berkenaan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, sebelum itu, pihaknya menerima laporan dibuat mangsa berusia 18 tahun pada 24 November lalu dan menahan suspek berumur 54 tahun pada 10.30 malam hari sama.

"Dalam laporan, mangsa warga Filipina mendakwa dirogol di sebuah rumah di Horizon Hill dan memaklumkan sudah dirogol sejak berusia 12 tahun lalu.

"Kita menahan suspek pada hari sama laporan dibuat selepas dia hadir di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Iskandar Puteri. Dia kemudian dilepaskan dengan jaminan selepas soal siasat.

"Semakan lanjut mendapati suspek tiada rekod jenayah lampau dan ujian air kencing negatif dadah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Rahmat berkata, ketika soal siasat, suspek tidak mengaku mahupun menafikan perbuatan berkenaan yang didakwa berlaku di rumah yang didiami mereka secara bersama.

Katanya, lima individu termasuk doktor yang membuat pemeriksaan ke atas mangsa turut dipanggil untuk merakam keterangan bagi membantu siasatan.

"Siasatan masih diteruskan bagi mendapatkan lain-lain bukti dan melengkapkan kertas siasatan bagi pertuduhan di mahkamah," jelasnya.

Disiarkan pada: Disember 5, 2023 @ 4:51pm

TAJUK :	ADUAN LELAKI MANGSA GANGGUAN SEKSUALMENINGKAT		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Aduan lelaki mangsa gangguan seksual meningkat

Kuala Lumpur: Aduan berkaitan mangsa gangguan seksual membabitkan golongan lelaki yang diterima menerusi Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Aiman Athirah Sabu, berkata kementeriannya menerima sebanyak 1,486 kes aduan berkaitan gangguan seksual menerusi PSSS sepanjang tempoh 14 siri Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual diadakan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 411 kes (27.7 peratus) melibatkan mangsa lelaki," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

Pada 29 Oktober lalu, beliau berkata PSSS menerima 1,213 laporan daripada mangsa gangguan seksual sepanjang 12 siri Program Jerayawara sejak dilancarkan Mei lalu dengan 351 orang atau 28.9 peratus adalah golongan lelaki.

Dalam pada itu, menjawab soalan Senator Datuk Husain Awang mengenai sejauh mana keberkesanan Program Jerayawara mampu mengelakkan gangguan seksual di rumah dan tempat kerja, Aiman Athirah berkata, berdasarkan maklum balas 97.6 peratus peserta program itu menunjukkan peningkatan terhadap tahap kesedaran dan pemahaman berkaitan gangguan seksual.

"Bagi memastikan gangguan seksual difahami dan meningkatkan kesedaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di 14 negeri melibatkan 19,423 peserta terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, pelbagai program advokasi diadakan bersama pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan bagi pencegahan dan meningkatkan kesedaran gangguan seksual di premis masing-masing.

"Sebanyak 54 program advokasi telah dilaksanakan dengan pelbagai pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) membabitkan 9,354 peserta.

"Selain itu, promosi serta hebahan juga diperluas melalui media sosial dan media massa membabitkan seramai 3.5 juta pendengar, penonton dan pembaca," katanya.

TAJUK :	JKM AKUI RAMAI GUNA PELBAGAU TAKTIK DAFTAR SEBAGAI MANGSA		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	16
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

JKM akui ramai guna pelbagai taktik daftar sebagai mangsa

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengaku ramai yang mendaftar sebagai mangsa banjir, termasuk menggunakan pelbagai taktik untuk ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kelantan pada musim tengkujuh kali ini.

Pengarah JKM negeri, Said Sidup, berkata situasi itu bukan perkara baharu tetapi ia semakin ketara yang dikatakan berpunca daripada bantuan banjir yang banyak.

Beliau berkata, apabila kerajaan mengumumkan mangsa banjir wajib berpindah ke PPS bagi membolehkan mereka mendapat bantuan, ramai dipercayai mengambil kesempatan walaupun kediaman mereka tidak ditenggelami banjir.

"Kita sendiri pun agak musykil. Cuaca semakin baik sejak beberapa hari lalu, namun mangsa banjir meningkat hingga mencecah 6,009 orang. Malah, berlaku kekecohan di sebuah PPS di sini kerana terlalu ramai berebut untuk mendaftar menyebabkan kita terpaksa meminta bantuan polis bagi menyuraikan keadaan.

"Memang kita juga banyak terima aduan dan desakan penduduk supaya mengekang situasi yang berlaku, namun ia bukan bawah bidang kuasa JKM. Ia bawah bidang kuasa Ketua Jajahan.

"Lagipun, kita sendiri tidak tahu rumah siapa yang ditenggelami banjir ataupun tidak, dan hanya menguruskan proses kemasukan pendaftaran bagi mereka yang hadir untuk berpindah," katanya kepada *BH*.

Said berkata, sebagai contoh di PPS SK Gual Tinggi, jumlah mangsa banjir direkodkan adalah 296 keluarga, setakat kelmarin.

Namun, beliau berkata, hampir 50 keluarga gagal dikesan pada waktu siang kelmarin ketika proses pengagihan bantuan keperluan asas yang disumbangkan oleh PETRONAS.

"Ini bermakna mereka dipercayai hanya mendaftar dan tidak tinggal pun di PPS itu. Disebabkan ada sebilangan mengambil kesempatan, kita tahu terdapat mangsa banjir terpaksa tidur di surau kerana PPS berdekatan rumah mereka sudah penuh.

"Kita sendiri kecewa dengan sikap segelintir penduduk sanggup mengambil kesempatan. Bayangkan kos makan setiap mangsa banjir adalah RM25 seorang sehari dan bagi 6,009 mangsa banjir, kerajaan membelanjakan lebih RM150,000 sehari," katanya.

Justeru, Said berkata, beliau akan mengusulkan permasalahan terbabit kepada Ketua Jajahan dan kerajaan negeri supaya pendekatan tertentu dilaksanakan dalam menangani isu banjir selepas ini bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan.

TAJUK :	'MORE MEN COMING FORWARD TO REPORT SEXUAL HARASSMENT'		
HARI :	RABU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

RESULT OF ADVOCACY PROGRAMME

'More men coming forward to report sexual harassment'

THERE has been an increase in the number of sexual harassment complaints lodged by men through Social Support Centres (PSSS), said Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Aiman Athirah Sabu.

She said her ministry received a total of 1,486 complaints of sexual harassment via PSSS throughout the 14 series of the KPWKM@Advocacy Anti-Sexual Harassment Roadshow.

"Of the total, 411 cases (27.7 per cent) involved male victims," she said in reply to Senator Datuk Husain Awang's question about the programme's effectiveness during a question-and-answer session at the Dewan Negara yesterday.

According to Aiman Athirah, based on feedback, 97.6 per cent of participants showed an increase in sexual harassment knowledge and understanding.

"The ministry has implemented 14 series of the KPWKM@Advocacy Anti-Sexual Harassment Roadshow involving 19,423 participants from various walks of life."

Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Aiman Athirah Sabu says 97.6 per cent of participants showed an increase in sexual harassment knowledge and understanding. BERNAMA PIC

In addition, Aiman Athirah said a number of advocacy programmes were held with private companies and non-governmental organisations to raise awareness of sexual harassment at their respective premises.

"A total of 54 advocacy programmes involving 9,354 participants were implemented in collaboration with various parties, including the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services and the National Institute of Occupational Safety and Health." **Bernama**

TAJUK :	'MORE MEN FILING COMPLAINTS ON SEXUAL HARASSMENT'		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

'More men filing complaints on sexual harassment'

KUALA LUMPUR: There has been an increase in the number of sexual harassment complaints lodged by men through social support centres (PSSS), said Deputy Women, Family and Community Development Minister Aiman Athirah Sabu.

She said her ministry received a total of 1,486 complaints of sexual harassment via PSSS throughout the 14 series of the KPWKM@Advocacy Anti-Sexual Harassment Roadshow.

"Of the total, 411 cases (27.7 per cent) involved male victims," she said in reply to Senator Datuk Husain Awang's question about the KPWKM@Advocacy Anti-Sexual Harassment programme's effectiveness, during the question and answer session at the Dewan Negara yesterday.

She said based on feedback, 97.6 per cent of participants showed an increase in sexual harassment knowledge and understanding.

"The Women, Family and Community Development Ministry has implemented 14 series of the KPWKM@Advocacy Anti-Sexual Harassment Roadshow involving 19,423 participants from various walks of life," she said.

In addition, Aiman Athirah said a number of advocacy programmes were held with private companies and non-governmental organisations to raise awareness of sexual harassment at their respective premises.

"A total of 54 advocacy programmes involving 9,354 participants were implemented in collaboration with various parties, including the Congress of Unions of Employees in Public and Civil Services and the National Institute of Occupational Safety and Health," she said. — Bernama

TAJUK :	'WANITA BANGKIT' PARTICIPANTS SUCCEED IN INCREASING INCOME - NANCY		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Nancy (fifth right) and ministry officials in a photo call with the programme participants. — Bernama photo

'Wanita Bangkit' participants succeed in increasing income – Nancy

KUANTAN: A total of 8,930 women participated in the 'Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital' programme under the National Welfare Foundation (YKN) this year, with 90 per cent succeeding in increasing their income, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said the programme provided RM500 in business capital, enabling the participants to earn between RM1,000 and RM3,000 per month, with some making even more.

"It helps women who were affected by the Covid-19 pandemic and victims of domestic abuse and divorcees. They have talent and some have their own products, but they do not have the capital or know-how to start a business.

"The programme provides capital, guidance and motivation, and connects them to a business network as well as experienced mentors. We can now see them leading better lives," she said.

Nancy, who is also YKN chairman, was speaking to reporters after attending the 'Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital' event at Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah here yesterday, attended by 1,000 participants from Pahang.

She said the participants are monitored for three months by volunteers to ensure the programme objectives are achieved, after which eligible candidates go on to the next phase to expand their business.

Nancy said the ministry will also discuss and collaborate with related ministries to obtain more assistance, such as equipment, to enable the participants to earn more.

"I am confident the Wanita Bangkit@KPWKM programme will elevate the participants out of hardship to become successful entrepreneurs and create job opportunities for other women too," she added. — Bernama

TAJUK :	16-YEAR-OLD ADMITS TO SEXUALLY ASSAULTING GIRL		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

16-year-old admits to sexually assaulting girl

JEMPOL: A juvenile pleaded guilty at the Magistrate's Court here to a charge of physical sexual assault against a 15-year-old girl at a house in Bahau near here.

The 16-year-old accused, who works as a helper at a food stall, did not contest the charge after it was read to him before magistrate Norshazwani Ishak yesterday.

The teenager was charged with committing the offence against the minor at around 11pm on Oct 25 at his rented house.

He was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a jail term of up to 20 years and whipping upon conviction.

Norshazwani fixed Feb 20 for sentencing pending the outcome of a probationary report.

Based on the facts of the case, the victim who is still schooling and had run away from her home in Kuala Lumpur, had decided to stay a night at the suspect's house.

However, the accused molested the victim while she was asleep.

Farahidah Zool Beri prosecuted while the accused was unrepresented.

TAJUK :	GIRL DIES FROM SUSPECTED ABUSE BY BABYSITTER		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Girl dies from suspected abuse by babysitter

KUALA LUMPUR: A six-year-old girl died from suspected abuse and neglect by her babysitter in a flat in Bandar Tun Razak here.

Cheras district police chief Asst Comm Zam Halim Jamaluddin said the victim, a local, was sent to the Tunku Azizah Hospital here in an unconscious state at about 3.40pm on Saturday.

"The victim was confirmed dead on the same day and is believed to have been abused as well as neglected by her babysitter," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

ACP Zam Halim said preliminary investigations found that at 11.30am on the day of the incident, the victim was asleep in the room when her father went out to buy food.

"At 2.30pm, the victim's father returned home to find the child unconscious. Police have recorded a statement from the victim's father but so far, no arrests have been made," he said.

ACP Zam Halim said the victim's body was sent to Hospital Kuala Lumpur's forensic department for a post-mortem.

He urged the public with any information on the incident to contact the Cheras police hotline at 03-9284 5050/5051, Kuala Lumpur police hotline at 03-2115 9999 or the nearest police station.

TAJUK :	GIRL DIES FROM SUSPECTED ABUSE		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Girl dies from suspected abuse

KUALA LUMPUR: A six-year-old girl was confirmed dead, allegedly due to being abused and neglected by her babysitter at a flat in Bandar Tun Razak on Saturday.

Cheras district police chief ACP Zam Halim Jamaluddin said the victim, a local, was sent to the Tunku Azizah Hospital in an unconscious state at about 3.40pm.

He added that the victim's body was sent to the Hospital Kuala Lumpur forensics department for a post-mortem. – Bernama

TAJUK :	8,930 SERTAI WANITA BANGKIT, BERJAYA TINGKAT PENDAPATAN		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

8,930 sertai Wanita Bangkit, berjaya tingkat pendapatan

KUANTAN: Sebanyak 8,930 wanita telah menyertai program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital Yayasan Kebajikan Negara (YKN) tahun ini, dengan 90 peratus daripada mereka berjaya meningkatkan pendapatan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri

Beliau berkata program yang memberikan modal perniagaan berjumlah RM500 itu membolehkan peserta memperoleh pendapatan RM1,000 hingga RM3,000 sebulan, malah sebilangan peserta meraih lebih daripada itu.

"Program ini adalah bantuan kepada golongan wanita yang terkesan akibat pandemik COVID-19 selain wanita yang menjadi mangsa dera atau perceraian. Mereka ini ada bakat dan mempunyai produk sendiri yang boleh dijual, tapi tiada modal atau tidak tahu bagaimana hendak bermula.

PEMANGKIN NEGARA: Nancy bersama 1,000 peserta melaungkan slogan 'Wanita Bangkit' pada Program Wanita Bangkit @ KPWKM MyKasih Kapital YKN di Kuantan, semalam. — Gambar Bernama

"Program ini memberikan modal perniagaan, bimbingan dan motivasi serta menghubungkan mereka dengan jalinan perniagaan serta mentor berpengalaman, dan kini kita dapat melihat mereka menikmati kehidupan lebih baik," katanya.

Nancy yang juga Pengerusi YKN berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital YKN di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini semalam, yang disertai 1,000 peserta dari seluruh Pahang.

Beliau berkata peserta terlibat dipantau seawal tiga bulan oleh sukarelawan supaya matlamat program berjaya, selain membolehkan peserta yang layak dirujuk ke fasa seterusnya untuk mengembangkan perniagaan.

Kementerian juga menurut Nancy, akan berbincang dan berkolaborasi dengan pelbagai kementerian berkaitan bagi memastikan lebih banyak bantuan seperti peralatan dapat disalurkan kepada peserta bagi menjana lebih banyak pendapatan.

"Saya yakin Program Wanita Bangkit@KPWKM ini akan membantu wanita keluar daripada belenggu kesusahan sekali gus menjadi usahawan berjaya dan dapat membantu wanita lain dalam memberikan peluang pekerjaan," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun disyaki akibat didera di Cheras, Kuala Lumpur pada Sabtu lepas, Nancy berkata pihaknya sedang menunggu laporan polis.

Media kelmarin melaporkan kematian kanak-kanak itu yang didakwa ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh bapanya dan pemeriksaan awal hospital mengesyaki terdapat unsur penderaan dan pengabaian terhadap mangsa. — Bernama

TAJUK :	MANGSA GANGGUAN SEKSUAL DALAM KALANGAN LELAKI SEMAKIN MENINGKAT		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Mangsa gangguan seksual dalam kalangan lelaki semakin meningkat

KUALA LUMPUR: Aduan berkaitan mangsa gangguan seksual melibatkan golongan lelaki yang diterima menerusi Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Aiman Athirah Sabu berkata kementeriannya menerima sebanyak 1,486 kes aduan berkaitan gangguan seksual menerusi PSSS sepanjang tempoh 14 siri Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual diadakan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 411 kes (27.7 peratus) melibatkan mangsa lelaki," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

Pada 29 Okt lepas, beliau berkata PSSS menerima 1,213 laporan daripada mangsa gangguan seksual sepanjang 12 siri Program Jerayawara sejak dilancarkan Mei lepas dengan 351 orang atau 28.9 peratus merupakan golongan lelaki.

Dalam pada itu, menjawab soalan Senator Datuk Husain Awang mengenai sejauh mana keberkesanan Program Jerayawara mampu mengelakkan gangguan seksual di rumah dan tempat kerja, Aiman Athirah berkata berdasarkan maklum balas 97.6 peratus peserta program itu menunjukkan peningkatan terhadap tahap kesedaran dan pemahaman berkaitan gangguan seksual.

"Bagi memastikan gangguan seksual difahami dan meningkatkan kesedaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di 14 negeri melibatkan 19,423 peserta terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

— Bernama

TAJUK :	WANITA MENGAKU TIDAK BERSALAH TINGGALKAN ANAK DALAM KERETA		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	6 DIS 2023	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Wanita mengaku tidak bersalah tinggalkan anak dalam kereta

SIBU: Seorang wanita berusia 28 tahun yang didakwa atas tuduhan meninggalkan anak tanpa pengawasan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Nurul Fatirah Sazali didakwa mengikut Seksyen 33(b) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 33 Akta Kanak-Kanak 2001.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh dikatakan meninggalkan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun di dalam kereta di tempat letak kereta kilang papan di Empawah dekat sini pada 30 Mac 2023, kira-kira jam 1.10 petang.

Disebabkan tindakannya itu, dia telah menyebabkan kematian kanak-kanak terbabit akibat strok haba.

Tertuduh diarah hadir ke mahkamah sekali lagi pada 11 Januari 2024 dan dibenarkan dibebaskan dengan bayaran RM3,000 oleh seorang penjamin tempatan.